

***Tarikh Dibaca: 05 September 2025M | 12 Rabi'ul Awwal 1447H***



# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“MAULIDUR RASUL:  
SAMBUTAN PENUH PENGHAYATAN”***

***\*\*\****

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***

## **"MAULIDUR RASUL: SAMBUTAN PENUH PENGHAYATAN"**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : قَالَتْ لَهُمْ رُسُلُهُمْ إِنْ نَحْنُ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ  
وَلَكِنَّ اللَّهَ يَمُنُّ عَلَىٰ مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَمَا كَانَ لَنَا أَنْ نَأْتِيَكُمْ  
بِسُلْطَنِ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَعَلَىٰ اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ.<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ  
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى  
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.<sup>2</sup>

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan  
kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan

<sup>1</sup> Ibrahim: 11.

<sup>2</sup> Ali-'Imran: 102.

**meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya.** Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan berbual-bual dan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk ***"MAULIDUR RASUL: SAMBUTAN PENUH PENGHAYATAN"***.

**Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang mengutuskan Nabi kita Muhammad SAW sebagai rahmat untuk seluruh alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Baginda SAW, ahli keluarga Baginda yang mulia, para sahabat Baginda yang setia, serta seluruh umat Baginda yang istiqamah mengikuti sunnah Baginda hingga ke Hari Akhirat.

Kita bersyukur kerana kesedaran umat Islam hari ini untuk memperingati kelahiran Rasulullah SAW kian subur daripada tahun ke tahun. Setiap kali tibanya 12 Rabi'ul Awwal, pelbagai sambutan diadakan termasuklah bacaan selawat, qasidah, marhaban, *Berzanji*, nasyid dan lain-lain sebagai tanda cinta kita kepada Baginda SAW. Suasana ini sememangnya indah dan menggembirakan kita. Namun persoalannya, sejauh mana sambutan ini benar-benar mendorong kita menghayati *qudwah* (teladan) dan sunnah yang ditinggalkan Baginda SAW? Adakah ia mampu membangkitkan azam kita untuk meneladani cara hidup Baginda SAW, atau sekadar terhenti pada kemeriahan majlis sambutan yang saban tahun kita raikan?

Kita khuatir, tanpa penghayatan yang mendalam, sambutan yang sarat dengan zikir dan selawat itu hanya menjadi acara tahunan yang berakhir

begitu sahaja, tanpa meninggalkan bekas pada hati kita atau mendorong perubahan terhadap tingkah laku dan amalan seharian kita menjadi lebih taat dan tunduk kepada Allah SWT.

### **Muslimin yang dikasihi Allah SWT,**

Sebagai umat Nabi Muhammad SAW, kita mestilah mencintai Baginda SAW dengan sebenar-benarnya. Di samping dengan ucapan selawat, kita juga perlu menzahirkan usaha untuk mengenali Baginda SAW melalui *Syama'il Muhammadiyah* yang indah, menelusuri sirah kehidupannya, memahami *khasa'is* iaitu keistimewaan yang Allah SWT anugerahkan kepada Baginda SAW.

Begitu juga dengan meneladani perjuangan jihad Baginda SAW, meyakini mukjizat-mukjizat yang membuktikan kerasulan Baginda SAW, mentadabbur *dala'il al-Nubuwwah* yakni tanda-tanda kenabian yang meneguhkan dan mengukuhkan kerasulan Baginda SAW, serta menghayati hakikat syariat yang dibawa oleh Baginda SAW untuk dijadikan panduan sepanjang zaman. Dengan cara inilah cinta kita kepada Rasulullah SAW benar-benar hidup dan memberi kesan dalam kehidupan seharian.

Meskipun begitu, kita perlu memahami bahawa para nabi dan rasul adalah manusia biasa, yang makan, minum, berumah tangga dan berkeluarga. Namun mereka adalah manusia terpilih yang dikurniakan wahyu, disokong dengan mukjizat, dan diangkat menjadi teladan umat.

Sebagaimana Firman Allah SWT dalam surah Ibrahim ayat 11 yang dibacakan pada awal khutbah yang bermaksud:

*"Para Rasul mereka berkata kepada mereka, "Kami ini sememangnya manusia biasa seperti kamu tetapi Allah menganugerahkan kurniaan kepada*

*sesiapa yang dikehendaki-Nya dalam kalangan hamba-Nya. Tidak ada kuasa bagi kami untuk mendatangkan sesuatu bukti (mukjizat) kepada kamu melainkan dengan izin Allah. Hanya kepada Allah sahaja orang yang beriman bertawakal".*

### **Sidang Muslimin yang Berbahagia,**

Walaupun para nabi, termasuk junjungan kita Nabi Muhammad SAW, bersifat dengan sifat *basyariah* iaitu sifat manusia biasa, namun Baginda SAW dikurniakan oleh Allah SWT dengan kelebihan yang sangat istimewa. Baginda SAW memiliki keturunan yang mulia, paras rupa yang menawan, menjadi penghulu segala makhluk, memiliki kekuatan rohani dan jasmani yang luar biasa serta mempunyai akhlak yang mulia, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Qalam, ayat 4:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

*"Dan sesungguhnya kamu mempunyai akhlak yang sangat mulia."*

Namun, dalam kita menzahirkan kecintaan kepada Baginda SAW, kita sangat dituntut untuk mengutamakan penghayatan dan pelaksanaan risalah serta sunnah yang Baginda SAW tinggalkan.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hasyr ayat 7 yang bermaksud:

*"Dan apa-apa yang diperintahkan Rasul kepada kamu, maka terimalah. Dan apa-apa yang dilarangnya, maka tinggalkanlah. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat keras hukumannya (bagi orang yang melanggar perintah-Nya)".*

## Sidang Muslimin yang dimuliakan,

Dalam kesempatan ini, marilah kita bersama-sama menzahirkan rasa syukur kerana menjadi umat Nabi Muhammad SAW dan menggarap hikmah yang tersirat disebalik pengutusan baginda SAW. Sejak sebelum kelahiran baginda SAW, Allah SWT telah menjaga dan memelihara nasab baginda SAW. Manakala selepas kelahiran pula, Allah SWT telah membersihkan hati dan pemikiran Baginda SAW sehinggalah dimuliakan dengan pelantikan sebagai Nabi dan Rasul.

Allah SWT juga mengurniakan Baginda SAW dengan *jawami' al-kalim*, iaitu mengungkapkan kata-kata yang ringkas namun penuh makna dan hikmah. Setiap akhlak, perbuatan dan tutur kata Baginda SAW adalah petunjuk Ilahi yang sarat dengan rahsia dan pengajaran. Sebagaimana disifatkan Allah SWT dalam Surah An-Najm ayat 3 yang bermaksud:

*"Dan dia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri."*

Oleh itu, cinta kepada Rasulullah SAW hendaklah disemai dengan cinta kepada sunnah dan risalah yang Baginda SAW tinggalkan melalui para Sahabat *Radiallahuanhum*. Sepertimana disebutkan dalam wasiat Baginda SAW yang diriwayatkan daripada al-'Irbadh bin Sariyah al-Sulami *Radiallahuanhu*:

... فَمَنْ أَذْرَكَ ذَلِكَ مِنْكُمْ فَعَلَيْهِ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ  
الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، عَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِدِ

*"... Maka sesiapa antara kamu yang mendapati (keadaan itu), hendaklah dia berpegang teguh dengan sunnahku dan sunnah para Khulafa' al-Rashidin yang diberi petunjuk, gigitlah ia dengan gigi geraham."*

*(Riwayat al-Tirmizi).*

Tuntutan mengikuti sunnah dan risalah Baginda SAW juga disertai dengan tuntutan mengikuti apa yang diajarkan oleh para Sahabat *Radiallahuanhum* serta generasi *salafussoleh* daripada kalangan ulama. Hal ini kerana mereka inilah yang menyambung warisan ilmu Baginda SAW.

Demikianlah cinta seperti ini menuntut kita untuk menghidupkan sunnah Baginda SAW dalam segenap aspek kehidupan dengan cara melazimi majlis-majlis ilmu yang memperkukuh kefahaman kita tentang sirah, mempelajari dan membaca hadis-hadis Nabi SAW berserta syarahnya bersama para ilmuwan agama, serta berusaha mengamalkannya dalam kehidupan seharian, baik dari segi ibadah, akhlak hingga urusan muamalah dan lain-lain. Ini kerana cinta kepada Nabi SAW membawa maksud cinta kita kepada Allah SWT, dan cinta ini hanya akan benar-benar bermakna apabila ia mendorong kita untuk patuh kepada perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya, sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh kekasih-Nya, Rasulullah SAW.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah SWT,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan pedoman dalam kehidupan kita iaitu:

1. Umat Islam hendaklah menzahirkan rasa cinta kepada Rasulullah SAW yang diterjemahkan melalui penghayatan dan pengamalan kepada

sunnah baginda SAW, bukan sekadar mengadakan sambutan yang diraikan saban tahun.

2. Umat Islam hendaklah menginsafi bahawa kecintaan terhadap Rasulullah SAW menuntut kita untuk menghadiri majlis-majlis ilmu, mempelajari sirah serta mengamalkan sunnahnya dalam ibadah, akhlak, dan muamalah seharian.

3. Umat Islam hendaklah memahami bahawa menghidupkan sunnah dan risalah Baginda SAW bererti mentaati Allah SWT. Ini termasuk juga berpegang teguh kepada sunnah *Khulafa' al-Rashidin* dengan penuh kesungguhan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ  
ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

*"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika benar kamu mencintai Allah maka ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih."*

*(Surah Ali 'Imran: 31).*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ  
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ هُدًى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً،  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.<sup>3</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

<sup>3</sup> Al-Ahzab: 56.



اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ،  
وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاَجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا وَسَائِرَ  
بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ وَفِّقْ اَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلَاةَ اُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ لِمَا  
فِيْهِ صَلاَحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا  
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ  
الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَغْكُوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ  
السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ  
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ

عُمْرُهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلَغَ  
مَقَاصِدَهُمَا لَطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum*. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan, syirik dan khurafat, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah seperti jenayah membunuh, perbuatan buli serta menzalimi orang lain. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

Ya Allah! Kami memohon perlindungan-Mu daripada kejahatan para musuh dan pengkhianat. Peliharalah kami daripada godaan syaitan dan tentera-tenteranya serta bimbinglah kami untuk sentiasa mendekatkan diri kepada-Mu.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ  
إِمَامًا.<sup>4</sup>

<sup>4</sup> Al-Furqan: 74.

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.<sup>5</sup>  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى  
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.<sup>6</sup>  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.

<sup>5</sup> Al-Baqarah: 201.

<sup>6</sup> Al-Nahl: 90.